

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL BOLA  
MANIA 2024 ANJURAN KOKAYA**

**20 JANUARI 2024 (SABTU)**  
**8.00 MALAM**

**TAPAK KARNIVAL BOLA MANIA 2024**  
**WISMA UNGKU A. AZIZ, KELANA JAYA**

Assalamualaikum dan salam sejahtera,  
**Yang Berbahagia, Dato' Haji Mohd**  
**Alias Hamzah, Pengurus ANGKASA**  
Negeri Selangor,

**Yang Berbahagia, Datuk Haji Abdullah  
Haji Jusoh,  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
ANGKASA,**

**Yang Berusaha, Tuan Muhammad  
Fawwaz Mohd Fitri, Pengurus Koperasi  
Alumni Yayasan ANGKASA,**

**Yang Berusaha, Puan Haslinda Haji Ahmad,**

Penasihat Koperasi Alumni Yayasan ANGKASA merangkap Pengurus Besar Yayasan ANGKASA serta dif-dif hormat sekalian.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

# Selamat datang ke Karnival Bola Mania 2024

1. Saya berasa sangat gembira dan berbesar hati kerana berada di sini hari ini untuk merasmikan acara yang julung kalinya diadakan ini. Karnival ini tidak hanya merupakan satu acara hiburan, tetapi juga satu platform

untuk memupuk semangat kesukanan dan kebersamaan bersama masyarakat dan komuniti setempat. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Koperasi Alumni Yayasan ANGKASA kerana berjaya menganjurkan karnival ini.

2. Koperasi adalah wadah kolaboratif yang menghimpun kekuatan dan sumber daya dari anggotanya untuk mencapai tujuan bersama. Koperasi Alumni Yayasan ANGKASA atau lebih dikenali sebagai KOKAYA ditubuhkan pada Mei 2022 dengan tujuan untuk memberi peluang kepada ahli

menjalankan projek keusahawanan dengan bantuan kemudahan.

3. KOKAYA ialah sebuah koperasi kepada siswazah dan lepasan siswazah yang menerima pembiayaan atau tajaan daripada Yayasan ANGKASA. Kesemua ahli koperasi ini yang terdiri daripada lebih 400 orang

ahli adalah bekas pelajar tajaan Yayasan ANGKASA sendiri.

## **Para hadirin yang dihormati sekalian**

4. Karnival ini diadakan dengan tujuan untuk memperkenalkan aktiviti KOKAYA kepada masyarakat setempat dan pada masa yang sama

untuk memberi sokongan kepada Harimau Malaya yang sedang bertanding di Piala Asia. Secara tidak langsung juga karnival ini memberi peluang kepada masyarakat untuk bersatu dan berkongsi rezeki bersama melalui aktiviti jualan yang dijalankan sepanjang karnival ini berlangsung.

5. Dengan tema berkongsi rezeki, saya berharap agar setiap peserta dan pengunjung dapat menyemarakkan lagi setiap acara yang telah kami sediakan. Karnival ini juga menyediakan peluang kepada peniaga tempatan untuk mempromosikan produk mereka kepada masyarakat umum.

6. Pada tahun ini, KOKAYA menyasarkan untuk menceburi perniagaan dalam bentuk pengurusan acara dan karnival ini merupakan titik permulaan untuk projek perniagaan KOKAYA.
7. Selain itu, KOKAYA merancang untuk manjalinkan kerjasama strategik

bersama ANGKASA pelbagai bidang, termasuk bidang ICT dan AI, dan menjadi koperasi yang boleh memberi khidmat audit kepada koperasi-koperasi. Saya berharap agar semoga semua matlamat KOKAYA dapat terlaksana.

8. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam penyelenggaraan karnival ini, termasuk penaja, sukarelawan, dan semua pihak yang telah memberikan sokongan termasuklah masyarakat setempat.

9. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan Karnival Bola Mania anjuran Koperasi Alumni Yayasan ANGKASA Berhad (KOKAYA) Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.